

Headline	Temerloh catat angka tertinggi		
MediaTitle	Sinar Harian (Pahang)		
Date	01 Apr 2012	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	60,000
Page No	L-P24	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	276 cm ²
Journalist	Noor Azianty Norman	AdValue	RM 1,518
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,554



Individu perlu lebih peka

Ramai pihak memandang ringan serta tidak ambil peduli isu logo halal

Isu logo halal bukanlah perkara baru, malah acap kali didedahkan di media untuk kesedaran pengguna. Namun, masih ada yang memandang ringan serta tidak ambil peduli tentang logo halal dipamerkan di restoran atau kedai-kedai.

Ikuti perbualan bersama Yang Dipertua Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) Pahang, Datuk Seri Wan Abdul Wahid Wan Hassan yang juga Timbalan Yang Dipertua Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (Muip).

Apakah peranan (PPIM) Pahang dalam membantu masyarakat khususnya mengenai logo halal?

PPIP memainkan peranan dalam menambah maklumat serta memberi kesedaran kepada masyarakat tentang pentingnya logo halal pada produk makanan atau di sesebuah restoran. Kebanyakan masyarakat kurang peka tentang isu ini menyebabkan masih ramai yang tertipu dengan logo halal tiruan. Walaupun PPIP tidak pernah menerima aduan mengenai logo halal, namun kita memandang berat tentang isu ini dan sentiasa mengikuti perkembangan kepenggunaan di kalangan masyarakat Islam.

Ada sesetengah restoran yang meletakkan tanda halal seolah-olah menipu pengguna. Apa komen Datuk Seri?

Dalam hal ini, individu itu sendiri memainkan peranan serta perlu lebih peka tentang logo halal yang dipamerkan supaya tidak tertipu. Pastikan logo halal yang dipamerkan itu disahkan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) atau Majlis Agama Islam.

Jika sesebuah restoran menyediakan minuman keras untuk orang bukan Islam, namun dalam masa yang sama turut menghidangkan menu halal, adakah orang Islam dibenarkan makan di restoran itu?

Kita tidak menafikan ada sesetengah restoran yang menyediakan minuman keras khususnya tempat yang menjadi tumpuan pelancong. Biasanya orang Barat yang menginap di hotel mahu minuman keras selepas menjamu selera. Sebagai orang Islam,

Headline	Temerloh catat angka tertinggi		
MediaTitle	Sinar Harian (Pahang)		
Date	01 Apr 2012	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	60,000
Page No	L-P24	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	276 cm ²
Journalist	Noor Azianty Norman	AdValue	RM 1,518
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,554

tidak salah jika kita makan di restoran itu, sekiranya tahu batasan.

Apakah cadangan Datuk Seri kepada pemilik restoran India Muslim yang menyediakan menu halal untuk mendapatkan sijil halal?

Selain bahan-bahan yang digunakan dalam masakan, pemilik restoran juga perlu menitikberatkan soal kebersihan serta pekerja yang diambil juga beragama Islam. Semua kriteria ini diambil kira sebelum sesebuah restoran itu mendapat sijil halal.

Apakah saranan Datuk Seri kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri (KPDN) dan Jabatan Agama Islam Pahang (Jaip) dalam memantau penguatkuasaan logo halal?

Saya minta semua pihak yang terlibat termasuk Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) serta Jabatan Kesihatan untuk mencari jalan

penyelesaian dalam menangani isu ini. Pastikan setiap barang yang dihantar di pasar raya dan kedai serta yang digunakan dalam masakan mendapat sijil halal sah. Selain itu, saya juga memohon supaya pihak bertanggungjawab membuat pengumuman kepada masyarakat jika dapat mengesan barang-barang yang dijual tidak halal.

Nasihat Datuk Seri kepada pengguna yang leka?

Masyarakat perlu mengambil berat tentang isu ini kerana setiap makanan yang tidak halal masuk ke dalam badan kita akan menjadi darah daging. Tinggalkanlah makanan itu sekiranya sudah terbukti ia tidak halal. Selain itu, saya juga ingin menasihatkan kepada penganjur majlis supaya memeriksa terlebih dahulu restoran yang ditempah menyediakan makanan halal atau tidak. Jika tidak, kita yang akan menanggung dosa semua tetamu.

Headline	Temerloh catat angka tertinggi		
MediaTitle	Sinar Harian (Pahang)		
Date	01 Apr 2012	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	60,000
Page No	L-P24	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	276 cm ²
Journalist	Noor Azianty Norman	AdValue	RM 1,518
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,554

